



## Spectrum of The Seas berlabuh di SPCT

SEBUAH kapal persiaran mewah, Spectrum of The Seas milik Royal Caribbean Cruises Ltd. (RCCL) yang membawa 3,239 penumpang dan 1,577 kru kapal berlabuh di Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT), George Town, awal pagi semalam.

Ketibaan kapal persiaran antarabangsa itu di Pulau Pinang bakal memberi manfaat

kepada industri pelancongan dan hiliran di negeri ini setelah dua tahun aktiviti pelayaran luar itu dihentikan akibat pandemik Covid-19.

Spectrum of the Seas akan berlabuh di SPCT sebanyak dua kali seminggu dan ia pastinya menjadi titik tolak bagi persinggahan kapal-kapal persiaran antarabangsa yang lain

pada masa depan.

■ DUA orang pelancong asing yang menaiki Spectrum of the Seas berjalan menuju pusat bandar George Town selepas kapal persiaran mewah itu berlabuh di Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT), George Town, awal pagi semalam.  
- UTUSAN/IQBAL HAMDAN